

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ALAN LING SIE KIONG**

**TARIKH : SEPTEMBER 2020**

**SOALAN NO. 124**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) Jumlah kemalangan yang melibatkan pemandu yang mabuk dari Januari sehingga Ogos 2020 di setiap negeri dan Wilayah Persekutuan dan jumlah kes yang berjaya didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah dari Januari sehingga Ogos 2020 mengikut negeri; dan
- (b) Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal kes kemalangan terutamanya melibatkan pemandu mabuk.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berdasarkan kepada rekod yang diterima daripada Polis DiRaja malaysia (PDRM), jumlah kertas siasatan yang telah dibuka ke atas kemalangan yang melibatkan pemandu mabuk dari bulan Januari hingga **15 Ogos 2020** adalah sebanyak **240 kes**. Perincian kertas siasatan yang dibuka mengikut seksyen di bawah Akta 333 adalah seperti di bawah:-

<b>Peruntukkan Seksyen Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] Di Mana Kertas Siasatan Dibuka</b>	<b>Jumlah Kemalangan</b>
Seksyen 44 APJ 1987	44
Seksyen 45 APJ 1987	196
<b>JUMLAH</b>	<b>240</b>

- Jumlah kes yang berjaya didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah dari bulan **Januari hingga 15 ogos 2020** adalah berjumlah **126 kes**. Perincian kes seperti berikut:-

<b>Peruntukkan Seksyen Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] Di Mana Kertas Siasatan Dibuka</b>	<b>Jumlah Kes Berjaya Didakwa Di Mahkamah</b>
Seksyen 44 APJ 1987	4
Seksyen 45 APJ 1987	122
<b>JUMLAH</b>	<b>126</b>

- Untuk makluman, isu kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah merupakan satu perkara yang amat dipandang serius oleh Kerajaan khususnya

Kementerian Pengangkutan. Dalam usaha menangani isu ini serta aspek keselamatan jalan raya secara amnya, pendekatan dan strategi yang holistik adalah diperlukan bagi memastikan usaha ini berjaya dan mencapai objektifnya.

4. Antara langkah proaktif yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan termasuklah secara berterusan melaksanakan program-program dan kerjasama berkaitan kempen, advokasi dan kesedaran keselamatan jalan raya di Malaysia secara keseluruhannya termasuklah berkaitan dengan aspek memandu di bawah pengaruh alkohol.
5. Salah satu program utama yang telah dilaksanakan adalah program Tiada Minggu Tanpa Advokasi (atau TMTA). Berdasarkan rekod, sehingga kini, sejumlah 1,866 Program TMTA telah dilaksanakan yang merangkumi seluruh kategori advokasi kempen keselamatan jalan raya.
6. Antara aktiviti utama di bawah TMTA adalah mengadakan sesi libat urus dan kerjasama dengan pihak premis jualan makanan, pengilang dan pusat hiburan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan tanggungjawab dan tindakan pihak berkenaan termasuk dalam meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan memandu dalam keadaan mabuk. Program advokasi khas keselamatan jalan raya berkenaan bahaya memandu di bawah pengaruh alkohol juga telah diadakan di restoran-restoran dan bar di sekitar lembah kelang pada setiap minggu, yang dilaksanakan berselang sela dengan program keselamatan jalan raya yang lain seperti kepentingan menggunakan tali pinggang keledar dan sebagainya.
7. Program kempen *don't drink and drive* juga telah diadakan baru-baru ini pada 17 Julai 2020 mulai pukul 5 hingga 11 malam di premis restoran dan premis menjual minuman keras di sekitar bandar Kajang dan

Semenyih, Petaling Jaya dan Puchong. Program yang sama juga secara berterusan diadakan di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu.

8. Selain itu, pihak Kementerian juga telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak penyedia kenderaan perkhidmatan awam *e-hailing* bagi menyediakan perkhidmatan kepada individu yang telah mengambil minuman beralkohol. Perkara ini bertujuan mengubah minda individu berkenaan untuk tidak memandu selepas mengambil minuman beralkohol, sebaliknya menggunakan kenderaan perkhidmatan awam.

9. Selain itu, sebagai salah satu strategi utama dalam usaha mencegah dan menjadi *deterrence* kepada orang ramai daripada memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] juga telah dipinda bagi meningkatkan hukuman-hukuman berkaitan kesalahan memandu dengan tidak mematuhi peraturan jalan raya termasuk memandu dalam keadaan mabuk. Bacaan pertama Rang Undang-Undang ini telah pun dilaksanakan pada sesi parlimen pada 27 Julai 2020 yang lalu. Bacaan kali kedua dan ketiga turut dijadualkan dalam sesi parlimen kali ini. **Untuk makluman dewan yang mulia ini, RUU ini telah dibentangkan, dibahsakan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020.**

Sekian, terima kasih.